MUNESUARAN RAMASAMY lwn. PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOHTARUDIN BAKI HMR
TENGKU MAIMUN TUAN MAT HMR
ZAMANI A RAHIM HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: J-05-198-07-2014]
14 DISEMBER 2015

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan – Seksyen 302 – Perayu dituduh membunuh anak-anaknya dengan melemaskan mereka – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Keterangan ikut keadaan – Sama ada hakim bicara mempertimbangkan keterangan yang dikemukakan – Sama ada keterangan membawa kepada hanya satu kesimpulan iaitu kebersalahan perayu – Sama ada hakim bicara mempertimbangkan keterangan-keterangan lain yang memihak kepada perayu – Hubungan perayu dengan mangsa-mangsa – Sama ada dipertimbangkan – Sama ada keterangan saksi pendakwaan selari dengan kenyataan yang dirakam polis – Sama ada dua versi keterangan yang berlainan – Sama ada sabitan perayu selamat*

PROSEDUR JENAYAH: *Saksi – Kebolehpercayaan – Kenyataan saksi kepada polis bercanggah dengan keterangan di mahkamah – Sama ada keterangan saksi boleh dicabar oleh pendakwaan – Sama ada keterangan saksi kekal sebagai keterangan pendakwaan – Sama ada keterangan memihak dan selari dengan pembelaan tertuduh*

Tertuduh ('perayu') telah dituduh dengan satu kesalahan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh ketiga-tiga orang anaknya pada 22 Ogos 2011. Kes pihak pendakwaan menjurus kepada fakta bahawa perayu telah membawa anak-anaknya ke sebuah kolam dan melemaskan mereka. Versi pihak pendakwaan adalah bahawa apabila SP6 dan SP8 berada di rumah perayu dan menyoal mengenai anak-anaknya, perayu menjawab bahawa mereka berada di kawasan kolam air tersebut. Perayu, SP6 dan SP8 telah pergi ke kolam tersebut dan setibanya mereka di situ, perayu terus menangis. Apabila ditanya, dia menyatakan bahawa anak-anaknya berada di dalam kolam itu. Bapa perayu ('SP12') pula memberi keterangan bahawa pada hari kejadian, dia melihat perayu keluar bersama anak-anaknya dan setelah pulang, anak-anak perayu dilihat bermain di luar rumah. SP12 menegaskan bahawa perayu telah memberitahunya bahawa dia akan keluar untuk menjemput isterinya. Walau bagaimanapun, apabila pulang, perayu menyoal SP12 berkenaan anak-anaknya. Apabila SP12 menjawab bahawa beliau tidak tahu di mana anak-anak perayu berada, perayu terus keluar untuk mencari anak-anaknya tetapi gagal menjumpai mereka. Semasa pembelaan, perayu menghujahkan bahawa anak-anaknya telah merayau-rayau dengan sendiri ke kolam tersebut. SD2, yang berada di rumah perayu pada hari kejadian, telah dimaklumkan oleh perayu bahawa anak-anaknya telah lemas dalam kolam

tersebut. SD2 kemudian telah membawa perayu ke kolam tersebut dan di sana, perayu telah menjumpai selipar anak sulungnya. Hakim Mahkamah Tinggi mendapati, antara lain, bahawa (i) perayu merupakan orang yang terakhir dilihat bersama-sama anak-anaknya pada hari kejadian; (ii) anak-anak perayu tidak mungkin merayau-rayau ke kolam pada lewat senja dan mandi di kolam tersebut; (iii) pembelaan perayu adalah penafian semata-mata; dan (iv) anak-anak perayu tidak mungkin merayau-rayau sehingga ke kawasan kolam tersebut memandangkan jarak rumah perayu ke kolam tersebut jauh, iaitu, 1,000 sehingga 1,200 meter. Maka, Hakim Mahkamah Tinggi mendapati perayu bersalah dan menjatuhkan hukuman mati. Oleh itu, rayuan ini. Persoalan yang dibangkitkan untuk pertimbangan adalah sama ada keterangan yang ada di hadapan mahkamah membawa kepada hanya satu kesimpulan, iaitu, bahawa perayu telah membawa anak-anaknya ke kolam dan melemaskan mereka.

Diputuskan (membenarkan rayuan; mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi)

Oleh Tengku Maimun Tuan Mat HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Apabila kes pendakwaan bergantung kepada keterangan ikut keadaan, keterangan yang telah dibuktikan hendaklah menunjukkan dengan nyata kepada hanya satu kesimpulan, iaitu, kebersalahan tertuduh. Berdasarkan fakta kes, keterangan yang ada secara keseluruhan tidak membawa kepada satu kesimpulan sahaja iaitu kebersalahan perayu tetapi boleh juga membawa kepada kesimpulan bahawa anak-anak tertuduh telah secara sendiri bermain di kolam yang menyebabkan mereka mati lemas. Tidak terdapat sebarang keterangan bahawa perayu telah membawa mangsa-mangsa tersebut ke kolam dan melemaskan mereka. Hakim bicara telah gagal memberi pertimbangan kepada keterangan-keterangan lain yang ada di hadapan mahkamah yang memihak kepada pihak perayu. (perenggan 21, 23, 25 & 27)

(2) Kelakuan perayu menangis di tepi kolam bukanlah suatu keterangan yang konklusif untuk menunjukkan kebersalahan perayu tanpa mengambil kira keterangan yang ada bahawa ketika perayu ke kolam untuk kali pertama dengan SD2, perayu telah menjumpai selipar milik anak sulungnya. Penemuan selipar itu boleh menyebabkan perayu membuat kesimpulan bahawa anak-anaknya telah lemas. Memandangkan hubungan perayu dengan anak-anaknya adalah sangat akrab dan perayu menyayangi anak-anaknya, maka kelakuan perayu menangis di tepi kolam bukanlah sesuatu yang luar biasa atau tidak munasabah. Tambahan, keterangan SP8 bahawa terdapat jalan pintas dari rumah perayu ke kolam tersebut tidak dicabar dan dapatan hakim bicara bahawa anak-anak tertuduh tidak mungkin merayau ke kolam pada waktu itu kerana jarak yang jauh juga dibuat tanpa memberi pertimbangan kepada keterangan SP8. (perenggan 29, 30, 34 & 35)

(3) Keterangan SP12 memihak kepada dan selari dengan pembelaan perayu. Pihak pendakwaan tidak mengambil tindakan untuk memulakan prosiding 'impeachment' untuk mencabar kebolehpercayaan SP12 jika keterangan beliau bercanggah dengan pernyataannya yang dirakam oleh pihak polis. Hakim bicara juga tidak membuat sebarang dapatan mengenai kebolehpercayaan SP12 sama ada beliau adalah saksi belot (hostile). Dalam keadaan ini, keterangan SP12 yang menyokong versi perayu kekal sebagai keterangan pihak pendakwaan yang bermaksud pihak pendakwaan telah mengemukakan dua set keterangan. Perayu berhak kepada faedah keterangan SP12 yang menunjukkan bahawa perayu tidak mengetahui di mana anak-anaknya berada. (perenggan 39)

(4) Keseluruhan keterangan tidak menunjukkan satu dan hanya satu kesimpulan tetapi menunjukkan dua kesimpulan, iaitu, (i) oleh kerana perayu merupakan orang yang terakhir dilihat bersama anak-anaknya, maka kematian mereka hanya boleh dikaitkan dengan perayu dan tidak kepada sesiapa yang lain; dan (ii) anak-anak perayu telah secara sendiri merayau-rayau ke kolam yang membawa kepada kematian mereka. Apabila wujud kesimpulan lain yang tidak menunjukkan kebersalahan perayu, maka sabitan terhadap perayu adalah tidak selamat. Oleh itu, perayu dibebaskan dan dilepaskan. (perenggan 40 & 41)

English *Headnotes*

The accused ('appellant') was charged with an offence under s. 302 of the Penal Code for murdering his three children on 22 August 2011. The prosecution's case relied on the fact that the appellant drowned his children in a pond. The prosecution's version was that when both SP6 and SP8 went to the appellant's house and questioned him about his children, the appellant replied that they were within the vicinity of the pond. Thereafter, the appellant, SP6 and SP8 went to the pond and as soon as they reached the said area, the appellant started to cry. When asked, the appellant told them that his children were inside the pond. The appellant's father ('SP12') further testified that on the day of the incident, he saw the appellant going out with his children and once they returned, the children were playing outside the house. SP12 stressed that the appellant informed him that he was going out to fetch his wife. However, when he returned, the appellant had asked SP12 about his children. When SP12 replied that he did not know the whereabouts of the children, the appellant went to search for them but failed to locate them. In his defence, the appellant submitted that his children wandered to the pond on their own. The appellant informed SD2, who was in the appellant's house on the day of the incident, that his children drowned in the said pond. SD2 then took the appellant to the pond and upon reaching the place, the appellant found his eldest child's slippers. The High Court Judge found, among others, that (i) the appellant was the last person seen with his children on the day of the incident; (ii) the appellant's children would not have wandered on their own late in the evening and taken a bath in the said

A pond; (iii) the appellant's defence was one of mere denial; and (iv) the appellant's children would not have wandered to the pond since the distance between the appellant's house and the pond was far, *ie*, 1,000 to 1,200 metres. In the circumstances, the High Court Judge found the appellant guilty and sentenced him to death. Hence, this appeal. The issue that arose for B consideration was whether the evidence before the court pointed to one and only one conclusion, *ie*, that the appellant had taken his children to the pond and drowned them.

Held (allowing appeal; setting aside decision of the High Court)
Per Tengku Maimun Tuan Mat JCA delivering the judgment of the court:

C

(1) When the prosecution's case relied on circumstantial evidence, the established evidence had to expressly point to only one conclusion, *ie*, the guilt of the accused. On the facts, the available evidence as a whole did not point to one conclusion only, *ie*, the guilt of the appellant but could also bring to the conclusion that the appellant's children played D in the pond on their own which caused them to drown. There was no evidence that the appellant brought the victims to the pond and drowned them. The trial judge failed to consider other available evidence before the court which were favourable to the appellant.

E **(2)** The appellant's conduct of crying near the pond was not conclusive evidence pointing to his guilt without considering the available evidence that when the appellant went to the pond for the first time with SD2, the appellant had found a slipper which belonged to his eldest child. Upon discovery of the slipper, the appellant concluded that his children had drowned. Since the relationship between the appellant and his F children were close and the appellant loved his children, the appellant's conduct of crying near the pond was not something unusual or unreasonable. Further, SP8's evidence that there was a short cut route to the pond from the appellant's house, was not challenged, and the trial judge's findings that the appellant's children would not have wandered G to the pond at that time due to the distance, was also made without consideration to SP8's evidence.

(3) SP12's evidence was in line with the appellant's defence. The prosecution did not take any action to commence impeachment proceedings to challenge SP12's credibility if his evidence contradicted H his recorded statement to the police. The trial judge also did not make any finding about SP12's credibility, namely as to whether he was a hostile witness. In the circumstances, SP12's evidence which supported the appellant's version remained the prosecution's evidence which meant that the prosecution had submitted two sets of evidences. The I appellant had the right to benefit from SP12's evidence which showed that the appellant did not know the whereabouts of his children.

(4) The evidence as a whole did not point to one and only one conclusion but to two conclusions, *ie*, (i) since the appellant was the last person seen with his children, their death may only be related to the appellant and to no one else; and (ii) the appellant's children wandered on their own to the pond which led to their death. When there were other conclusions which did not point to the appellant's guilt, the conviction against the appellant was not safe. As such, the appellant was acquitted and discharged.

Kes-kes yang dirujuk:
Abdul Samid Edward v. PP [2015] 4 CLJ 149 CA ***(dirujuk)***
Harchand Singh & Anor v. State of Haryana AIR [1974] SC 344 ***(dirujuk)***
Magendran Mohan v. PP [2011] 1 CLJ 805 FC ***(dirujuk)***
PP v. Lee Eng Kooi [1993] 2 CLJ 534 HC ***(dirujuk)***
See Kek Chuan v. PP [2013] 6 CLJ 98 CA ***(dirujuk)***
Yusoff Kassim v. PP [1992] 3 CLJ 1535; [1992] 1 CLJ (Rep) 376 SC ***(dirujuk)***

Bagi pihak perayu - Afifuddin Ahmad Hafifi; T/n Salehuddin Saidin & Assocs
Bagi pihak responden - Mohd Mukhzany Fariz Mohd Mokhtar; TPR

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Muar; Perbicaraan Jenayah No: 45B-01-01-2012 (ditolak)]

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Tengku Maimun Tuan Mat HMR:

[1] Perayu telah disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi Muar di atas tiga pertuduhan membunuh anak-anaknya seperti berikut:

(i) Bahawa kamu pada 22hb Ogos 2011 di antara jam lebih kurang 6.30 petang hingga 7.30 petang, di kolam Ladang Air Lambak Elias Jalan Mengkibol, di dalam Daerah Kluang, di dalam Negeri Johor, telah menyebabkan satu kesalahan membunuh dengan menyebabkan kematian ke atas Kevyathashini a/p Munesuaran (K/P No. 060928-01-1722). Oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

(ii) Bahawa kamu pada 22hb Ogos 2011 di antara jam lebih kurang 6.30 petang hingga 7.30 petang, di kolam Ladang Air Lambak Elias Jalan Mengkibol, di dalam Daerah Kluang, di dalam Negeri Johor, telah melakukan suatu kesalahan membunuh dengan menyebabkan kematian ke atas Renisha a/p Munesuaran (K/P No. 080904-01-1814). Oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

(iii) Bahawa kamu pada 22hb Ogos 2011 di antara jam lebih kurang 6.30 petang hingga 7.30 petang, di kolam Ladang Air Lambak Elias, Jalan Mengkibol, di dalam Daerah Kluang, di dalam Negeri Johor, telah

menyebabkan kematian ke atas Thevanesh a/l Munesuaran (K/P No. 090703-01-6587). Oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Kes Pendakwaan

[2] Kami petik kes pendakwaan seperti yang dibentangkan oleh hakim bicara yang bijaksana di dalam alasan penghakimannya seperti berikut.

[3] Parameswari a/p Periasamy (SP2), isteri kepada perayu menyatakan bahawa pada 22 Ogos 2011, perayu telah memukulnya dan akibat daripada itu SP2 telah pergi ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Atas nasihat pihak hospital, SP2 kemudiannya telah pergi ke balai polis untuk membuat aduan tentang kecederaan yang dialami olehnya.

[4] Setelah selesai pemeriksaan oleh doktor, SP2 telah duduk di tempat awam dan telah menelefon perayu untuk mengambilnya pulang ke rumah, tetapi perayu tidak datang. SP2 telah menelefon perayu berulang kali dan perayu kemudiannya telah menjawab dan menyatakan ia telah melakukan kesalahan besar, iaitu membunuh ketiga-tiga orang anaknya.

[5] SP2 kemudiannya telah menelefon pak cik perayu, Chandran dan menyatakan bahawa perayu telah membunuh anak-anaknya. Chandran kemudiannya telah datang dan membawa SP2 pulang ke rumah.

[6] Setibanya di rumah, SP2 menyatakan perayu telah menyerangnya apabila SP2 bertanyakan perayu di mana anak-anak mereka. Semasa di dalam bilik terdapat ramai penduduk ladang dan penduduk-penduduk menyatakan bahawa perayu telah membunuh ketiga-tiga anak mereka. SP2 melihat perayu sedang duduk dan ada kesan-kesan muntah di lantai.

[7] Prabhakaran a/l Sekhavan (SP6) menyatakan bahawa dia ada menerima panggilan daripada seorang bernama Udayakumar. SP6 telah pergi ke rumah perayu dan bertanyakan di mana anak-anak perayu tetapi perayu hanya berdiam diri.

[8] SP6 kemudiannya melihat Mohan Sundram a/l Marimuthu (SP8) datang dan bercakap-cakap dengan perayu dan setelah ditanya barulah perayu memberitahu bahawa anak-anaknya berada di kawasan kolam air di ladang tersebut.

[9] SP6, SP8 dan perayu telah pergi ke kolam tersebut dan setibanya di kolam, perayu telah menangis dan apabila ditanya kenapa menangis, perayu berkata bahawa anak-anaknya ada di dalam kolam berkenaan. Mereka cuba mencari anak-anak itu tetapi tidak berjaya dan kemudiannya pulang semula ke rumah perayu.

[10] Prakash a/l Gopalan (SP11) adalah jiran perayu. Mengikut SP11, pada petang hari kejadian, dia melihat perayu membawa ketiga-tiga anak-anaknya menaiki motosikal keluar dari rumah dan semasa perayu pulang semula ke rumah pada kira-kira jam 6.30 petang, SP11 hanya melihat perayu seorang diri.

[11] Keterangan bapa perayu Ramasamy a/l Ponnusamy (SP12) juga menyatakan dia melihat perayu pada jam 6 petang keluar dari rumah dengan membawa ketiga-tiga anaknya.

[12] Dr Mohamad Azaini bin Ibrahim (SP9) mengesahkan ketiga-tiga anak tersebut mati akibat lemas.

Dapatan Hakim Bicara

[13] Hakim bicara mendapati bahawa tiada keterangan langsung yang menunjukkan ketiga-tiga anak tersebut mati akibat daripada perbuatan perayu, tetapi berdasarkan keterangan ikut keadaan, hakim bicara mendapati bahawa pendakwa telah membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu.

[14] Di dalam mendapati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan elemen-elemen pertuduhan terhadap perayu, hakim bicara bergantung kepada keterangan SP2, SP6, SP8, SP11 dan SP12.

[15] Berdasarkan keterangan saksi-saksi pendakwaan di atas, hakim bicara membuat dapatan berikut:

> 29. Oleh itu, daripada keterangan saksi-saksi pendakwaan ini, apa yang nyata ialah OKT telah dilihat keluar daripada rumah pada jam 6.00 petang bersama-sama anaknya dan pulang kemudiannya jam 7.20 petang. Adalah jelas bahawa OKTlah orang yang terakhir dilihat ada bersama-sama dengan anak-anak itu pada petang hari kejadian dan tahu akan apa berlaku.
>
> 30. Jika benarlah seperti keterangan OKT bahawa ia hanya membawa anak-anaknya keluar untuk membeli jajan, sudah tentu anak-anaknya itu tidak akan pergi ke mana-mana lagi tetapi akan berada di rumah.
>
> 31. Oleh itu, ketiadaan anak-anak tersebut ada di dalam pengetahuan OKT dan tidak mungkin anak-anak itu akan pergi merayau-rayau ke kolam pada lewat senja dan mandi manda di kolam tersebut.
>
> 32. Dengan itu, kematian ketiga-tiga anak itu adalah akibat daripada perbuatan OKT yang telah membawa ke kolam dan melemaskan mereka di sana.

[16] Perayu lantas dipanggil membela diri. Intipati pembelaan perayu adalah bahawa anak-anaknya telah secara sendiri merayau-rayau ke kolam. Perayu juga telah mengemukakan notis alibi. Ia bagaimanapun tidak disiasat oleh pihak pendakwaan.

[17] Di akhir keseluruhan kes, hakim bicara memutuskan bahawa pembelaan perayu adalah penafian semata-mata dan perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Perayu dengan itu telah disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati.

[18] Tidak berpuas hati dengan sabitan dan hukuman tersebut, perayu memfailkan rayuan ke mahkamah ini. Setelah mendengar hujahan pihak-pihak, kami sebulat suara telah membenarkan rayuan perayu. Berikut adalah alasan-alasan kami.

Rayuan

[19] Peguambela terpelajar telah mengemukakan lima isu berikut:

(i) sama ada sabitan boleh disandarkan kepada keterangan SP2;

(ii) sama ada hakim bicara telah mempertimbangkan keterangan saksi yang 'hostile';

(iii) keterangan saksi-saksi tidak diberi penilaian secukupnya;

(iii) wujud percanggahan yang material di dalam keterangan SP5, SP6 dan SP8; dan

(v) sama ada pembelaan alibi telah dinilai oleh hakim bicara.

Dapatan Kami

[20] Walaupun peguambela terpelajar telah mengemukakan lima isu, kami berpendapat isu-isu tersebut menjurus kepada satu isu utama, iaitu sama ada keterangan yang ada di hadapan mahkamah membawa kepada hanya satu kesimpulan iaitu bahawa perayu yang telah membawa anak-anaknya ke kolam dan telah melemaskan mereka sebagaimana dapatan hakim bicara.

[21] Apabila kes pendakwaan adalah bergantung kepada keterangan ikut keadaan, keterangan yang telah dibuktikan hendaklah menunjukkan dengan nyata kepada satu dan hanya satu kesimpulan, iaitu kebersalahan tertuduh (lihat *Magendran Mohan v. PP* [2011] 1 CLJ 805; *Abdul Samid Edward v. PP* [2015] 4 CLJ 149; [2015] 4 MLJ 58).

[22] Dihujahkan oleh peguambela terpelajar bahawa kesemua keterangan ikut keadaan di dalam kes ini tidak menjurus kepada satu kesimpulan yang tidak boleh dibendung lagi (lead to an irresistible conclusion) iaitu bahawa perayu yang telah membunuh kesemua mangsa di dalam kes ini.

[23] Kami bersetuju dengan hujahan peguambela terpelajar. Kami mendapati bahawa keterangan yang ada secara keseluruhannya tidak membawa kepada satu kesimpulan sahaja iaitu kebersalahan perayu tetapi boleh juga membawa kepada kesimpulan bahawa anak-anak tersebut telah secara sendiri pergi bermain di kolam yang menyebabkan mereka mati lemas.

[24] Hakim bicara yang bijaksana telah memutuskan bahawa: A

> 35. Jelas daripada keterangan saksi-saksi pendakwaan bahawa jarak rumah OKT ke kolam tersebut adalah jauh. Dalam jarak 1000 sehingga 1200 meter dan agak sukar untuk mempercayai bahawa ketiga-tiga anak tersebut secara sendiri telah merayau pada senja tersebut dan bermain di kolam sehingga lemas. B
>
> 36. Apa yang jelas adalah mereka telah dibawa oleh OKT ke kolam itu dan kemudiannya telah dilemaskan oleh OKT.
>
> 37. Walaupun pihak pembelaan telah memfailkan satu Notis Alibi dan diserahkan kepada pihak Timbalan Pendakwa Raya ianya tidak disiasat oleh pihak pendakwaan dan ini diakui oleh SP10 sendiri. C
>
> 38. Namun begitu, mahkamah telah mendengar keterangan SP12, iaitu bapa OKT. SP12 telah memberikan keterangan akan apa yang berlaku pada petang hari kejadian dan telah menanyakan kepada OKT di mana anak-anaknya dan OKT telah memberitahu anaknya tiada.

[25] Kami berpendapat hakim bicara telah tersalah arah dalam menyatakan "apa yang jelas adalah mereka telah dibawa oleh OKT ke kolam itu dan kemudiannya telah dilemaskan oleh OKT.". Kami telah meneliti rekod rayuan dan tidak mendapati sebarang keterangan bahawa perayu telah membawa mangsa-mangsa ke kolam, apa lagi melemaskan mereka. D

[26] Keterangan yang ada ialah bahawa: E

(i) perayu dilihat membawa mangsa-mangsa menaiki motosikal membeli jajan;

(ii) perayu dilihat pulang tanpa anak-anaknya;

(iii) perayu memberitahu SP2 bahawa beliau telah melakukan suatu kesalahan besar dan telah membunuh anak-anaknya; F

(iv) perayu telah mengajak SP6 mencari anak-anaknya di kolam;

(v) perayu menangis di tepi kolam; dan

(vi) perayu telah meminum racun dan muntah. G

[27] Di dalam membuat kesimpulan bahawa perayu telah membawa anak-anaknya ke kolam dan telah melemaskan mereka, kami mendapati bahawa hakim bicara gagal memberi pertimbangan kepada keterangan-keterangan lain yang ada di hadapan mahkamah yang memihak kepada perayu. H

[28] Dapatan hakim bicara bahawa "sukar untuk mempercayai bahawa ketiga-tiga anak tersebut secara sendiri telah merayau pada senja tersebut ... "dibuat tanpa mengambil kira keterangan SP2 yang menyatakan (RR 6: ms. 15-16): I

> Q: Jadi maksud kamu, kamu tidak pernah melepaskan anak-anak kamu keluar rumah tanpa perhatian dan pengawalan kamu, tidak pernah sekali pun?

A: Ada sesekali mereka main sendiri di luar rumah semasa itu saya mungkin sedang masak atau buat kerja dalam rumah.

...

Q: Dan pada tarikh kejadian setuju dengan saya kamu tiada di rumah, kamu di tepi flat tu?

A: Ya setuju.

Q: Setuju dengan saya kalau mereka telah keluar daripada rumah berkeliaran bersama-sama ketiga-tiga mereka tiada pengawasan orang dewasa kamu pun tak tahu perkara ini kerana kamu pun tak ada di rumah masa itu?

A: Setuju.

...

Q: Semua anak-anak kamu boleh berjalan keluar?

A: Ya.

[29] Dapatan hakim bicara seterusnya bahawa anak-anak tersebut tidak mungkin merayau ke kolam pada waktu itu kerana jarak yang jauh (1000-1200 meter) juga dibuat tanpa memberi pertimbangan kepada keterangan SP8 yang berikut (RR 6: ms. 69):

Q: Tadi ada cerita tentang jalan pintas, jalan pintas ini kalau ikut dari rumah OKT lebih cepat boleh sampai, betul?

A: Ya.

...

Q: So, kalau kita ikut jalan pintas ini dalam 10-15 minit boleh sampai kalau jalan kaki dari rumah OKT?

A: Betul.

Q: Dan kita lihat kepada gambar tempat kejadian. Saya rujuk kamu kepada gambar 13 dan 14, kita tengok macam ada satu antenna di sana, kawasan tempat rumah OKT dekat-dekat sanalah?

A: Betul, ... tak berapa dekat ada dalam 70-80 meter ke antenna.

[30] Keterangan SP8 di dalam pemeriksaan balas mengenai jarak 70-80 meter ini tidak dicabar memandangkan SP8 tidak diperiksa semula tentang jarak jalan pintas ini.

[31] Hakim bicara juga gagal mempertimbangkan keterangan pegawai penyiasat ASP Rozaiman bin Hashim (SP10) yang menyokong kemungkinan anak-anak secara sendiri boleh pergi ke kolam (RR 6: ms 94-95):

Q: ... ada tak apa-apa halangan yang boleh menyebabkan seseorang atau orang ramai berjalan kaki ke kolam tersebut?

A: Tidak ada

...

Q: Sekiranya anak yang berumur lebih kurang 5 tahun itu membawa, memimpin adik beradik dan yang lebih muda itu setelah tiada orang jaga mereka bukanlah itu satu possibility? Kemungkinan boleh berlaku?

A: Mungkin.

[32] Hakim bicara merujuk kepada keterangan SP6 bahawa beliau bersama-sama SP8 dan perayu telah pergi ke kolam untuk mencari anak-anak perayu. Hakim bicara membuat dapatan bahawa jika benar perayu tidak mengetahui apa yang berlaku, tidak mungkin perayu akan membawa SP6 dan SP8 ke kolam dan tidak akan menangis jika perayu tidak mengetahui apa yang berlaku kepada anak-anaknya.

[33] Terdapat keterangan bahawa sebelum perayu ke kolam mencari anak-anaknya, beliau telah didatangi penduduk-penduduk ladang. Ini jelas daripada keterangan Ramachandran a/l Nadarajah (SD2) yang berikut (RR 8: ms 237):

Q: Bila kamu sampai rumah Munesuaran apa berlaku?

A: Masa saya sampai di rumah Munesuaran saya dapati Munesuaran sedang menangis, saya tanya Munesuaran dan Munesuaran bagi tahu orang-orang di sini beritahu anak-anak saya telah lemas dalam kolam.

Q: Apa kamu buat bila OKT beritahu kamu?

A: Saya telah pergi ke kolam.

...

Q: Kamu berdua sahaja pergi?

A: Ya.

Q: Sampai kolam apa berlaku?

A: Saya berhentikan kereta, Munesuaran turun dan cari dan tengok-tengok, tiba-tiba nampak selipar warna pink. Lepas itu dia cakap pak cik ini macam selipar anak sulung saya pakai.

[34] Kelakuan perayu yang menangis di tepi kolam pada pendapat kami bukanlah suatu keterangan yang konklusif untuk menunjukkan kebersalahan perayu tanpa mengambil kira keterangan yang ada bahawa ketika perayu ke kolam pertama kali dengan SD2, perayu telah menjumpai selipar milik anak sulung perayu. Pada pendapat kami, penemuan selipar itu boleh menyebabkan perayu membuat kesimpulan bahawa anak-anaknya telah lemas. Mengambil kira keterangan SP10 bahawa hasil temuduganya dengan penduduk-penduduk ladang menunjukkan bahawa perhubungan perayu dengan anak-anak adalah sangat akrab dan perayu menyayangi anak-anaknya (RR6: ms 98), kelakuan perayu yang menangis di tepi kolam bukanlah sesuatu yang luar biasa atau tidak munasabah.

[35] Kami juga mendapati tiada keterangan konklusif daripada SP8 bahawa perayu memberitahu SP8 mengenai anak-anaknya berada di kolam seperti keterangan SP6. Untuk memudahkan rujukan, kami perturunkan keterangan SP6 yang berikut (RR Jld 6: ms 42):

> Apabila sampai di rumah OKT saya dapati ada beberapa orang di luar rumah OKT berkumpul. Dan saya parking motosikal di luar dan terus masuk ke dalam rumah OKT. Saya terus bertanya kepada OKT mana anak-anak beliau. OKT tidak menjawab apa-apa. ... Semasa itu saya dan seorang lelaki dikenali sebagai Mohana yang menetap di ladang tersebut bawa OKT ke belakang dapur.
>
> Selepas itu Mohana bertanya di mana anak-anak beliau dan OKT menjawab saya tidak tahu di mana mereka. Selepas itu beberapa kali Mohana bertanya kepada OKT di mana anak-anak beliau dan akhir sekali baru OKT bercakap bahawa anak-anak beliau berada di kawasan kolam air di ladang tersebut.
>
> Selepas itu saya menunggang motosikal dengan Mohana membawa OKT pergi ke kawasan kolam tersebut. Apabila sampai di kolam air tersebut, OKT mula menangis. Kami bertanya kenapa OKT menangis dan dia menjawab anak-anaknya berada di dalam kolam tersebut.

[36] Namun jika diteliti keterangan SP8, SP8 tidak menyatakan beliau telah bertanya perayu berkali-kali di mana anak-anak perayu dan bahawa perayu menjawab anak-anaknya berada di kolam. Petikan keterangan SP8 yang relevan adalah (RR6: ms 60):

> Q: So OKT ada di situ orang kampung tanya dia. Kamu sendiri bila kamu tengok OKT ada di situ apa tindakan kamu terhadap OKT?
>
> A: Saya pun tanya Popeye benda ini betul atau tidak. OKT hanya diam sahaja, tidak beritahu apa-apa. Orang kampung dah kecoh.
>
> Q: Lepas itu?
>
> A: Lepas itu saya tengok tempat pun curiga, saya buat panggilan dekat pengurus ladang.

[37] Selanjutnya, hakim bicara juga gagal memberi pertimbangan kepada keterangan SP11 yang berikut (RR 7: ms 107-108):

> Q: Di antara pukul 5.45 petang hingga 6.30 petang setuju dengan saya kamu tidak berdiri di luar rumah, kamu ada masuk rumah, pergi ke tandas, berbual?
>
> A: Saya setuju.
>
> Q: Jadi kalau dalam masa kamu telah masuk rumah setuju dengan saya kalau OKT telah pulang di rumah tersebut bersama ketiga-ketiga anak kamu pun tak lihat betul, setuju tak?
>
> A: Setuju.

Q: Jadi kalau OKT bila kamu lihat ambil anak-anak dan pergi kedai untuk membeli jajan, pulang balik dan anak-anak dia keluar bersendirian pergi ke mana-mana playing ground kamu tidak lihat sebab kamu dalam rumah, betul?

A: Setuju.

[38] Lebih mustahak adalah keterangan SP12 yang berikut di dalam pemeriksaan utama yang juga gagal dinilai oleh hakim bicara (RR 7: ms 109-110)

Q: Petang itu ada jumpa OKT?

A: Ya, lebih kurang 6.00 petang nampak dia bawa cucu-cucu saya dibawa keluar.

Q: Dia naik apa?

A: Dia naik motosikal ke kedai.

Q: Dia bawa semua ke anak-anak dia?

A: Ya, ketiga-tiga anak.

Q: Ke kedai itu, macam mana Encik Ramasamy tahu dia pergi ke kedai?

A: ... sebab jajan itu ada di tangan cucu-cucu saya. Saya anggap ke kedai sebab ada jajan dalam tangan cucu. Selepas itu dia bawa anak-anak ke rumah OKT dan cucu-cucu saya masa itu tengah bermain-main di luar rumah dan Munesuaran keluar dari rumah dan datang ke rumah saya dan beritahu saya dia nak jemput isteri yang ada di Mengkibol. Selepas itu apa berlaku saya tak tahu YA. Dia kata lepas dia jemput isteri dia dia tanya ada jumpa tak anak-anak saya dan saya jawab saya tidak jumpa, dia pun pergi cari anak-anak dia. Lebih kurang pukul 8.00 malam Munesuaran datang balik dan anaknya tidak dapat dijumpai (hilang).

[39] Keterangan SP12 yang tersebut di atas adalah memihak kepada dan selari dengan pembelaan perayu. Tiada tindakan diambil oleh Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana di Mahkamah Tinggi bagi memulakan prosiding 'impeachment' untuk mencabar kebolehpercayaan SP12 jika keterangan beliau di mahkamah adalah bercanggah dengan pernyataannya yang dirakam oleh pihak polis. Hakim bicara juga tidak membuat sebarang dapatan mengenai kebolehpercayaan SP12 atau sama ada SP12 adalah saksi belot ('hostile'). Dalam keadaan itu, keterangan SP12 yang menyokong versi perayu kekal sebagai keterangan pihak pendakwaan yang bermaksud pihak pendakwaan telah mengemukakan dua set keterangan. Perayu berhak kepada faedah keterangan SP12 yang menunjukkan perayu tidak mengetahui di mana anak-anaknya berada, justeru telah bertanyakan kepada SP12 tentang anak-anaknya (lihat *Harchand Singh & Anor v. State of Haryana* AIR [1974] SC 344; *Yusoff Kassim v. PP* [1992] 3 CLJ 1535; [1992] 1 CLJ (Rep) 376; [1992] 2 MLJ 183; *PP v. Lee Eng Kooi* [1993] 2 MLJ 322; *See Kek Chuan v. PP* [2013] 6 CLJ 98; [2013] 6 MLJ 885).

A

Kesimpulan

[40] Kami mendapati keseluruhan keterangan tidak menunjukkan satu dan hanya satu kesimpulan tetapi keterangan menunjukkan dua kesimpulan iaitu pertamanya, oleh kerana perayu orang yang terakhir dilihat bersama anak-anaknya maka kematian mereka hanya boleh dikaitkan dengan perayu dan tidak kepada sesiapa yang lain, manakala kesimpulan yang kedua ialah bahawa anak-anak perayu telah secara sendiri merayau-rayau ke kolam yang membawa kepada kematian mereka.

B

[41] Dalam keadaan wujudnya kesimpulan lain yang tidak menunjukkan kebersalahan perayu, kami berpendapat sabitan terhadap perayu adalah tidak selamat. Oleh itu, kami sebulat suara membenarkan rayuan perayu. Sabitan dan hukuman Mahkamah Tinggi diketepikan dan perayu dibebaskan dan dilepaskan.

C

D

E

F

G

H

I